

18 JAN 2003

Khalil-Perhimpunan

ISU PILIHAN RAYA DIJANGKA JADI TOPIK UTAMA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO

PULAU PINANG, 18 Jan (Bernama) -- Perhimpunan Agung Umno tahun ini dijangka memberi tumpuan kepada persediaan dan persiapan menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob hari ini berkata, setelah masuk tahun keempat selepas pilihan raya umum 1999, rata-rata anggota parti dan orang awam mula bercakap mengenai pilihan raya.

Bagaimanapun, katanya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga presiden parti, mempunyai kuasa untuk menentukan tarikh pilihan raya itu.

"Sama ada perhimpunan kali ini adalah yang terakhir sebelum pilihan raya umum akan datang, kita tidak tahu kerana ini kuasa Perdana Menteri untuk menentukannya," katanya kepada pemberita selepas melancarkan ADWAVE 2003 di Universiti Sains Malaysia (USM), di sini.

Beliau berkata, usaha-usaha ke arah memperkasakan parti juga sedang berjalan di setiap bahagian.

Khalil berkata, walaupun tiada pemilihan pucuk pimpinan parti berlangsung pada perhimpunan kali ini, ia tetap hangat dan bersejarah kerana ini merupakan persidangan yang terakhir bersama Dr Mahathir sebelum beliau bersara pada Oktober ini.

Katanya, beliau telah meminta Sekretariat Umno untuk membuat persiapan yang perlu menjelang perhimpunan itu termasuk mengkaji topik-topik yang akan dibincangkan kelak.

Katanya, sekretariat itu juga akan merancang sesuatu untuk menjadikan perhimpunan kali ini sesuatu yang bersejarah dan diingati.

"Semua ini akan saya bentangkan kepada Jawatankuasa Pengurusan parti yang dipengerusikan oleh Timbalan Presiden Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebelum perhimpunan itu," katanya.

Katanya, pada kebiasaannya perhimpunan agung Umno tidak akan ketandusan topik untuk dibincangkan kerana semua perwakilan akan bercakap berdasarkan kepada ucapan dasar yang dibuat oleh presiden parti.

Terdahulu, Khalil berkata kemampuan agensi-agensi pengiklanan tempatan kini setanding dengan agensi dari luar negara dan dengan teknologi canggih mereka mampu menghasilkan iklan yang bermutu di dalam negara.

Sejak lima tahun lepas, katanya, industri pengiklanan mampu muncul sebagai industri yang agak terkemuka dalam bidang komunikasi massa dan pelaburan dalam bidang ini tidak lagi dianggap sebagai pelaburan lebih malahan ia merupakan belanja yang perlu.

Katanya, iklan kini bukan sahaja tertumpu kepada mempromosikan sesuatu produk malahan mampu menyentuh hati penonton dan pendengar dengan menyelitkan mesej tertentu yang berkait rapat dengan kehidupan rakyat di negara ini.

Sehubungan itu, beliau mahu institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini terus melahirkan pengamal industri iklan memandangkan ada jaminan masa depan dalam industri ini.

ADWAVE 2003, yang bertema "Pengembaraan Pancaindera", merupakan acara tahunan yang dianjurkan pelajar komunikasi pemujukan USM sejak tahun 1997 dan penyertaan dalam program itu kini diperluaskan kepada institusi pengajian tinggi di rantau Asean.

Dalam program itu, pelajar berpeluang menyertai bengkel pengiklanan, pertandingan perancangan komunikasi serta pertandingan pengiklanan.

-- BERNAMA

ZU RHM